

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

## KKM lulus program vaksinasi untuk remaja 12-17 tahun

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan untuk memperluaskan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun mulai pertengahan bulan depan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata PICK untuk golongan itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu individu berusia 12 hingga 15 tahun yang mempunyai masalah kesihatan serta semua individu berusia 16 dan 17 tahun dengan atau tanpa masalah kesihatan.

"Bagaimanapun, pelaksanaan (tarikh) bergantung kepada bekalan vaksin," katanya dalam surat pekeliling bertarikh 12 Ogos.

Dr Noor Hisham berkata, remaja berusia 12 hingga 15 tahun yang mempunyai masalah kesihatan perlu menjalani penilaian pravaksinasi oleh pegawai atau pakar perubatan sebelum disuntik berdasarkan status kesihatan semasa, sejarah perubatan dan alahan serta rawatan atau ubatan yang sedang diterima.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Vaksinasi untuk remaja keputusan perlu, relevan

Pakar minta ibu bapa bendung kerisauan terhadap kesan sampingan

Oleh Nas Norziela Nasbali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Peluasan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk remaja berusia 12 hingga 17 tahun dilihat sebagai keputusan yang perlu dan relevan dalam keadaan jumlah kes jangkitan dan kematian semakin meningkat di negara ini.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat, berkata keputusan itu relevan memandangkan jumlah kes semasa masih

tidak menunjukkan tanda penurunan, walaupun kadar vaksinasi meningkat.

Namun, katanya, mungkin timbul isu mengenai kebimbangan ibu bapa atau penjaga untuk membenarkan anak atau jajaan mereka diberikan vaksin atas kesan sampingan seperti radang jantung seperti yang dilaporkan, walaupun kes sedemikian sangat jarang.

"Kerisauan ibu bapa terhadap kesan sampingan seperti keradangan jantung perlu dibendung memandangkan kebarangkalian ia berlaku kepada remaja sangat jarang," katanya kepada BH.

Beliau menambah, mungkin juga ada ibu bapa masih bimbang dan mereka seharusnya diberi pilihan sama ada membenarkan atau melarang anak divaksinasi.

"Jika memilih tidak membenarkan anak diberi vaksin, ibu bapa bertanggungjawab penuh ke atas sebarang risiko jangkitan.

"PICK untuk remaja ini perlu sekiranya terdapat keperluan un-

tuk membuka sekolah dan perubahan fasa membabitkan pelbagai kelonggaran untuk individu yang divaksinasi sepenuhnya," katanya.

Bagi penjawat awam, Mohd Fadli Ahmad, 43, pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun sedikit sebanyak mengurangkan kerisauannya sebagai bapa untuk melihat anak mendapat perlindungan diri melalui vaksin.

"Dalam keadaan sekarang, selain menjaga prosedur operasi standard (SOP), pemberian vaksin kepada golongan ini sekurang-kurangnya mengurangkan rasa gelisah kami sebagai ibu bapa yang perlu keluar bekerja atau membeli barang.

"Apatah lagi apabila mereka mula bersekolah, vaksin ini menjadi pelindung kerana mereka akan bersemuka dengan rakan sekolah dan juga guru.

"Vaksinasi mungkin dapat mengurangkan kebolehjangkitan, apatah lagi kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga ra-

mai," katanya.

Ibu kepada dua anak perempuan berusia 15 dan 17 tahun, Azrina Zakaria, 40, berkata kelulusan vaksin kepada golongan itu memberi kelegaan jika dapat diselesaikan sebelum sesi persekolahan dibuka.

"Sebagai ibu, sudah pasti saya berharap vaksin dapat diberikan sekurang-kurangnya satu dos sebelum anak mula bersekolah.

"Namun, proses pemberian vaksin untuk mereka berusia 18 tahun ke atas, termasuk guru juga perlu dipercepat dan diselesaikan terlebih dahulu," katanya.

Beliau juga berharap kerajaan akan mengambil kira kekusaran ibu bapa yang masih tidak tahu status pembukaan sekolah yang dijadualkan pada 1 September ini.

"Jika sekolah kekal dibuka pada 1 September ini dan anak belum mendapat vaksin, sebagai ibu saya masih tidak berani untuk membenarkan mereka ke sekolah," katanya.

Apatah lagi apabila mereka mula bersekolah, vaksin ini menjadi pelindung kerana mereka akan bersemuka dengan rakan sekolah dan juga guru.



Mohd Fadli Ahmad,  
Penjawat awam

Sebagai ibu, sudah pasti saya berharap vaksin dapat diberi sekurang-kurangnya satu dos sebelum anak mula bersekolah.



Azrina Zakaria

## 3 kategori perlu jalani penilaian pravaksinasi

Dari Muka 1

"Tidak semua bakal penerima vaksin akan melalui penilaian ini, hanya tiga kategori sahaja yang perlu menjalani penilaian," katanya.

Tiga kategori itu, adalah individu yang mempunyai sejarah alahan teruk, individu yang mengalami kelemahan sistem imun disebabkan penyakit atau rawatan diterima serta individu yang menerima rawatan ubat pencair darah atau mempunyai masalah kesihatan sehingga menyebabkan kecenderungan mengalami pendarahan.

Bagi memastikan keselamatan remaja yang mempunyai masalah kesihatan terjamin, mereka dinilai berisiko akan menerima vaksin di hospital atau institusi perubatan bagi membolehkan rawatan kecemasan serta rawatan lanjut dapat diberikan pada kadar segera sekiranya perlu.

"Golongan yang dimaksudkan adalah tiga kategori yang perlu menjalani penilaian pravaksinasi dan pesakit yang menerima rawatan jangka panjang di hospital atau institusi perubatan atau pesakit tertentu yang dirasakan perlu oleh pengamal perubatan," katanya.



Orang ramai hadir untuk mendapatkan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada (Persada), Johor, semalam.  
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Sebelum ini, media melaporkan kerajaan memutuskan untuk menangguhkan pemberian vaksin COVID-19 kepada remaja bawah 17 tahun selepas mengambil kira data dan pandangan penilaian calon vaksin.

Sementara itu, Menteri Penye- laras PICK, Khairy Jamaluddin,

berkata perincian berhubung pelaksanaan vaksinasi kepada remaja yang berusia 12 hingga 17 tahun akan dibuat pada minggu depan.

Beliau berkata, PICK akan memulakan vaksinasi mengikut keutamaan, iaitu remaja 12 hingga 17 tahun yang mempunyai ma-

salah penyakit kronik, diikuti mereka yang tiada masalah perubatan dan berdasarkan penurunan umur.

"Seperti mana dinyatakan dalam surat pekeliling oleh Dr Noor Hisham, satu pengumuman akan dibuat minggu depan oleh JKJAV (Jawatankuasa Khas Jaminan

Akses Bekalan Vaksin COVID-19).

"Ia (pengumuman itu) mengenai bagaimana vaksinasi COVID-19 untuk remaja akan dilaksanakan mengikut pekeliling (yang dikeluarkan) Dr Noor Hisham serta garis panduan klinikal terkini," katanya yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menerusi ciapan di Twitter, semalam.

Keputusan KKM itu menjadikan Malaysia akan menyertai beberapa negara maju dan membangun yang turut meluluskan vaksinasi untuk remaja bawah 18 tahun.

Di Amerika Syarikat, kira-kira 40 peratus penduduk berusia 12 hingga 17 tahun sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos, Perancis memulakan vaksin untuk remaja usia sama sejak 15 Jun lalu, Itali akan memulakannya bulan depan, selain United Kingdom, Sweden, Belanda dan Jerman turut meluluskan pemberian vaksin untuk golongan berkenaan.

Di Asia, selain China, Hong Kong, Jepun, Filipina dan Emiriah Arab Bersatu juga sudah meluluskan pemberian vaksin untuk remaja berusia 12 hingga 17 tahun.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Vaksinasi selamat untuk ibu hamil, menyusukan bayi

Risiko kelahiran pramatang, mati kurang jika wanita dijangkiti selepas terima suntikan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Banyak data menunjukkan vaksinasi adalah selamat ketika proses kehamilan dan penyusuan, selain tiada bukti kecacatan pada bayi selepas menerima suntikan pelalian berkenaan, kata Persatuan Obstetrik dan Ginekologi.

Pemegang Amanah persatuan berkenaan, Dato Dr Alex Mathews, Datuk Dr Aziz Yahya, Dr Johari Bux, Dr Gunasegaran Rajan dan Dr Ng Kwee Boon dalam ke-

nyataan semalam, memaklumkan kesan sampingan dalam kalangan ibu hamil juga jarang berlaku dan ia adalah sama dengan mereka yang tidak hamil.

Kenyataan itu menjelaskan, terdapat potensi penurunan risiko kelahiran pramatang dan kelahiran mati jika seseorang ibu dijangkiti COVID-19 selepas divaksin, sekali gus ibu hamil dinasihatkan mengambil suntikan pelalian berkenaan secepat mungkin.

"Lebih baik mengambilnya selepas 12 minggu kehamilan, tetapi dalam keadaan berisiko tinggi seperti bagi kebanyakan populasi hamil di Malaysia, keseimbangan risiko adalah lebih selamat jika diambil pada bila-bila masa kehamilan.

"Ia juga selamat jika anda menyusukan bayi dan tidak perlu berhenti berbuat demikian.

"Sekiranya merancang untuk hamil, yakinlah bahawa ia selamat dan tidak perlu menunda kehamilan.

"Sekiranya belum menerima

vaksin, hubungi doktor secepat mungkin, boleh berbincang dengan doktor masalah anda jika ada," kata persatuan itu.

Persatuan menjelaskan, beberapa kebimbangan mengenai vaksinasi atau ubat-ubatan yang diambil ibu ketika mengandung dan menyusukan bayi amat difahami, namun semua vaksin selamat untuk ibu hamil dengan vaksin jenis messenger ribonucleic acid (mRNA) pada masa ini mempunyai data keselamatan terbesar.

Kata mereka, kerajaan mengutamakan ibu hamil dalam program imunisasi nasional dan melancarkan Pfizer-Comirnaty (mRNA) untuk wanita dalam kategori itu, selain terdapat lebih banyak pusat vaksinasi pada masa ini yang mengikuti prosedur operasi standard (SOP) ketat yang selamat untuk dikunjungi.

Rabu lalu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, sebanyak 3,396 kes COVID-19 di-



Nurshahirah Hassan yang sedang hamil menerima dos kedua di Pusat Pemberian Vaksin KLCC, Kuala Lumpur. (Foto Saifulizzam Tamadi/BH)

lalu membabitkan ibu hamil dan terus meningkat bermula Oktober dengan purata 200 jangkitan sebulan.

Katanya, dianggarkan satu peratus ibu hamil di Malaysia dijangkiti COVID-19 dengan lonjakan kes dapat dilihat pada Mei lalu, iaitu sebanyak 850 kes dan pada Jun yang membabitkan 899 kes, sejajar peningkatan jumlah kes jangkitan virus itu di Malaysia secara keseluruhan.

Sehingga 9 Ogos 2021, beliau berkata, sebanyak 70 kes kematian ibu hamil disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19 dila-

porakan berbanding tiada kes sepanjang tahun lalu, manakala sejak Januari hingga Mei 2020, purata jangkitan membabitkan golongan itu adalah dua kes pada setiap bulan.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata, berlaku peningkatan kematian dilaporkan sejak Jun lalu iaitu 17 kes dengan data menunjukkan dua kes daripada jumlah itu sudah menerima dos pertama vaksin, manakala 15 kes tidak menerima vaksin COVID-19, sementara 47 peratus kes kematian dilaporkan mempunyai komorbid.

## Tangani maklumat palsu, teori konspirasi

**Kuala Lumpur:** Penyebaran maklumat palsu, kewujudan teori konspirasi serta khabar angin mengenai COVID-19 adalah masalah utama yang perlu diatasi bagi mengelak usaha membendung pandemik berkenaan menjadi tidak produktif dalam jangka pendek atau panjang.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata maklumat palsu tersebar apabila pandemik tercetus ketika media sosial mendominasi kehidupan manusia, sekali gus memerlukan dasar, peraturan dan garis panduan mengenai hak serta kebebasan bersuara dalam isu keselamatan dan darurat terutama menerusi platform itu dikaji semula.

"Platform media sosial sudah bertindak balas terhadap sebahagian besar hantaran dikategorikan palsu oleh penyemak fakta dengan membuang atau melampirkan pelbagai amaran.

"Facebook juga baru-baru ini umum dasarnya mengenai maklumat salah berkaitan COVID-19 dan akan membuang hantaran mengandungi maklumat palsu mengenai semua vaksin.

"Terdapat keperluan untuk mengkaji secara drastik langkah penjagaan kesihatan masyarakat serta tatacara penyelesaian baharu yang dipengaruhi teknologi dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan," katanya dalam ucapan pada Persidangan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan 2021 bertema 'Memacu Transformasi Sistem Kesihatan ketika Pandemi - Cabaran dan Peluang' secara maya, semalam.

Dr Adham berkata, kesihatan

mental juga aspek utama yang perlu diberi perhatian dalam usaha memerangi COVID-19 kerana psikologi manusia penting bagi membendung sesuatu wabak dan strategi tepat untuk mengurus psikologi, khususnya kesihatan mental dalam membendung kemungkinan tindak balas ganas manusia.

"Menguruskan kesihatan mental adalah keutamaan kita sekarang dalam usaha memastikan penularan dapat dibendung, se-

lain COVID-19 dapat dikalahkan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Dr Kuljit Singh ketika berucap pada persidangan sama, berkata sistem penjagaan kesihatan negara perlu diperkukuh menerusi kerjasama awam dan swasta (PPP) bagi menangani kemungkinan berulang pandemik pada masa hadapan.

"Ini terbukti apabila hospital swasta mampu membantu kera-

jaan, khususnya bagi saringan COVID-19 serta pemindahan sebahagian pesakit lain.

"Perbincangan menyeluruh perlu dilakukan supaya lebih banyak pihak bersetuju mengenai bil dan yuran rawatan lebih realistik, termasuk kos sesuai bagi membolehkan hospital swasta terus beroperasi.

"Tiada guna kerajaan terus membina banyak kemudahan, sedangkan terdapat banyak fasiliti di sektor swasta," katanya.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Prof Datuk Dr Subramaniam Muniandy pula berkata, pendekatan PPP sepatutnya bermula sejak awal penularan COVID-19 di negara ini yang akan membolehkan proses saringan dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berjalan lebih pantas serta mencapai sasaran ditetapkan kerajaan.

"Terdapat lebih 6,000 pengamal perubatan awam swasta dan 20,000 graduan perubatan di seluruh negara boleh membantu kerajaan menangani pandemik ini," tambahnya.

## KKM lulus 11 kit ujian sendiri COVID-19

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan 11 kit ujian sendiri COVID-19, tujuh daripadanya menggunakan sampel air liur; empat lagi calitan hidung.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kit ujian yang mendapat kelulusan bersyarat Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) KKM itu boleh didapati di fasiliti awam dan swasta.

Beliau berkata, kit ujian berkenaan ialah Bright-COVID-19 Antigen Rapid Test Device (Oral Fluid), AllTest COVID-19 Antigen Rapid Test

(Oral Fluid) dan JusChek COVID-19 Antigen Rapid Test (Oral Fluid).

"Begitu juga Salixium COVID-19 Rapid Antigen Rapid Test, Gmate COVID-19 Ag Saliva, Longsee 2019-nCoV Ag & Influenza A/B Rapid Co-Detection Kit (Immunochromatography), Sicheun Xincheng SARS-CoV-2 Antigen Assay.

"Flowflex™ SARS-CoV-2 Antigen Rapid est (Self-titi ngSS, standard Q COVID-19 Ag Saliva Home Test, ProDetect™ COVID-19 Antigen Rapid Test (Saliva) serta NEWGENE Bioengineering COVID-19 Antigen Detection Kit," katanya



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NASIONAL

Pemuliharaan COVID-19

# Kapasiti katil mampu tampung dua minggu

**Pasukan bertindak khas tambah sehingga 8,000 unit di Lembah Klang**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kapasiti katil Lembah Klang bagi merawat pesakit COVID-19 hanya boleh menampung kira-kira dua minggu.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong, berkata Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley berjaya menambah kapasiti katil di antara 6,000 hingga 8,000 katil.

Katanya, walaupun jumlah pesakit COVID-19 di Lembah Klang mula menunjukkan penurunan,

pihaknya tetap perlu membuat penambahan bilangan katil secara berterusan.

Beliau berkata, bulan ini di Lembah Klang kita lihat pertambahan kes di antara 8,000 hingga 12,000 sehari.

"Namun, minggu ini mula menunjukkan penurunan kes. Purata antara satu atau dua peratus pesakit baharu yang dikesan memerlukan rawatan lanjut di hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC).

"Keadaan ini agak membimbangkan kerana kita perlu menyediakan di antara 200 hingga 300 katil tambahan setiap hari, bagi menampung pesakit COVID-19 yang perlu dimasukkan ke wad.

"Kita perlu menambah bilangan katil secara berterusan jika jumlah kemasukan kes tidak menurun. Buat masa ini, kapasiti katil sedia ada boleh menampung situasi ini selama dua minggu," katanya semalam.

Sehingga semalam Lembah



Hospital di Lembah Klang perlu menyediakan 200 hingga 300 katil tambahan setiap hari bagi menampung pesakit COVID-19. (Foto hiasan)

Klang yang merangkumi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sudah mencatatkan kumulatif kes COVID-19 sebanyak 654,553 kes.

Selangor terus menjadi tertinggi melaporkan kes harian tertinggi dengan iaitu pertambahan empat angka sejak beberapa bulan lalu.

## Lebih 21,000 kes 2 hari berturut-turut

**Putrajaya:** Seramai 277 pesakit COVID-19 meninggal dunia semalam, manakala 1,075 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk 537 memerlukan alat bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes harian COVID-19 kekal melebihi 21,000 dua hari berturut-turut, iaitu sebanyak 21,468 kes semalam.

Katanya, pertambahan kes berkenaan menjadikan jumlah kumulatif COVID-19 di negara ini meningkat kepada 1,363,683 kes.

Beliau berkata, semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan tujuh daripadanya melaporkan kes empat angka, iaitu Selangor dengan 7,449 kes, Kuala Lumpur (2,183), Kedah (1,807), Sabah (1,654), Johor (1,485), Pulau Pinang (1,316) dan Kelantan (1,088).

Katanya, turut mencatatkan kes ialah Negeri Sembilan iaitu 974 kes baharu, Perak (940), Melaka (723), Sarawak (715), Pahang (572), Terengganu (440), Putrajaya (66), Perlis (50) dan Labuan (enam).

"Sehingga kini 241,187 kes aktif dengan keboleangkitan COVID-19," katanya semalam.

Mengenai pertambahan kes semalam, Dr Noor Hisham berkata, 20,798 kes atau 96.9 peratus yang dikesan terdiri daripada pesakit kategori satu dan dua, iaitu tidak mempunyai gejala serta bergejala ringan.

"Selebihnya iaitu 670 kes atau 3.1 peratus pesakit kategori tiga hingga lima yang mempunyai radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal.

"Hanya 2,703 kes atau 12.6 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini (semalam) sudah lengkap menerima vaksinasi iaitu 1,139 kes dalam kategori satu, 1,496 (kategori dua), 21 (kategori tiga), 24 (kategori empat) dan 23 (kategori lima)," katanya.

Mengenai kes kematian, 108 kes dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur (66), Johor (26), Negeri Sembilan (18), Sabah (15), Kedah (14), Melaka (11), Pulau Pinang (enam), Kelantan (lima), masing-masing tiga kes di Perak dan Terengganu manakala dua kes di Pahang.

Dr Noor Hisham berkata, 41 kluster baharu dikesan semalam, 22 daripadanya berpunca di tempat kerja, 10 dalam kalangan komuniti, kumpulan berisiko (tuhjuh) dan institusi pendidikan (dua).

Katanya, kluster yang dikesan sudah menjangkiti 1,446 kes iaitu 992 kes di tempat kerja, komuniti (203), kumpulan berisiko (216) dan institusi pendidikan (35).

Dr Noor Hisham berkata, sehingga tengah hari semalam, terdapat 17,025 kes sembuh sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 1,110,528 kes.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya, Kementerian itu belum mengesan kemasukan varian Lambda ke negara ini.

Beliau berkata, KKM akan meningkatkan usaha pelaksanaan penjujukan genom dalam membendung kemungkinan penularan varian itu.

"Selain itu, kawalan sempadan amat penting untuk membendung jangkitan varian baharu ini. Kita mengawal kes dari luar negara dengan baik mengguna-

kan kaedah elektronik (gelang pengawasan).

"Kita turut menjalankan penilaian risiko sebelum membenarkan individu yang pulang dari luar negara untuk bercampur dengan komuniti," katanya.

Varian Lambda satu lagi varian baharu disahkan ditemui di Amerika Syarikat, Peru dan Jepun yang dikesan lebih mudah berjangkit dan lebih kuat melawan imuniti individu yang sudah divaksin.

Dr Noor Hisham berkata, Malaysia berharap data negara ini dapat membantu Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menjalankan kajian terhadap tiga jenis ubat.

Beliau berkata, Malaysia satu daripada 52 negara yang terpilih oleh WHO untuk menjalankan kajian terhadap ubat jenis artesunate, imatinib dan infliximab.

"Ubat artesunate digunakan bagi rawatan malaria yang kritikal. Imatinib pula ubat untuk kanser darah atau leukimia. Infliximab merawat penyakit sistem imun seperti Crohn dan rheumatoid arthritis," katanya.

## Projek rintis pemakaian gelang pengesanan digital

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) menjalankan projek rintis pemakaian gelang pengawasan pengesanan digital, bagi individu yang menjalani kuarantin di rumah, termasuk pengembara pulang dari luar negara.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong, berkata projek rintis itu dilaksanakan di bawah Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley melalui penyumberluan dengan perolehan sebanyak 30,000 unit alat peranti.

Katanya, sehingga kini projek rintis ini membabitkan 1,000 unit peranti yang digunakan terhadap pengembara dari luar negara yang mendapat kebenaran menjalani kuarantin di rumah.

"Pengesanan digital ini untuk bantu KKM memantau pergerakan individu dari luar negara, kontak rapat atau individu yang mempunyai gejala sementara atau pesakit kategori satu dan dua.

"Pelaksanaan sistem kawalan kualiti ini membolehkan individu dapat dipantau dengan berkesan dengan penguatkuasaan pelanggarannya akan dijalankan KKM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya dalam sidang media semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham, berkata KKM menerima laporan daripada netizen berhubung posting seorang yang hadir dalam himpunan di Kuala Lumpur dijangkiti COVID-19.

"Bagaimanapun KKM tidak dapat mengesahkan kesahihan berita itu dan siasatan masih berjalan.

"Setakat ini, belum ada laporan kluster dikaitkan dengan demonstrasi terbabit," katanya.

**Pengesanan digital ini untuk bantu KKM memantau pergerakan individu dari luar negara**

**Dr Chong Chee Kheong,**  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)



**Terkini COVID-19**

**17,025**

Pullh, dibenar keluar hospital, semalam

**21,468**

Kes baharu disahkan, semalam

**11,968**

Jumlah kematian dicatat

**1,363,683**

Jumlah kes disahkan positif

**241,187**

kes yang masih dirawat



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

## Kawalan sempadan perlu dipertingkatkan bendung penularan jangkitan varian baharu

# Tiada varian Lambda di Malaysia

Oleh NOR IDAYU BOSRO  
DAN SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) tidak menolak kemungkinan berlaku lebih banyak mutasi termasuk varian Lambda seperti yang dikenal pasti di negara Amerika Selatan dan Jepun ketika ini berikutan kes jangkitan dalam negara semakin meningkat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, perkara itu menjadi kebimbangan KKM ekoran mutasi tertentu termasuklah varian Lambda dan Epsilon berkemungkinan mempunyai kerintangan terhadap vaksin yang digunakan di Malaysia pada masa ini.

"Kalau pembiakan virus dalam paru-paru dan jangkitan semakin bertambah, kemungkinan besar negara ini akan menyaksikan banyak lagi mutasi seperti yang dikenal pasti sekarang.

"Kita tahu akan berlaku mutasi, mungkin dua tiga kitaran lagi dan kebimbangan kita ialah mutasi yang ada rintangan terhadap vaksin," katanya dalam sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.

Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Chong Chee Kheong dan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman.



**JEMAAH** hadir solat Jumaat di Masjid Sri Sendayan, Seremban mengikut prosedur operasi standard ditetapkan. - MOHD SHAHJEHAN MAAMIN



**NOOR HISHAM**

Dr. Noor Hisham berkata, di sebalik kebimbangan itu, pihaknya bagaimanapun belum mengesan kemasukan varian Lambda ke negara ini buat masa ini.

Beliau berkata, KKM akan terus meningkatkan usaha pelak-

sanaan penjujukan genomik penuh bagi mengesan sebarang varian membimbangkan sebagai usaha membendung kemungkinan penularan varian yang mempunyai kebolehhajatan tinggi itu.

"Selain itu, kawalan sempadan amat penting dan perlu diperketatkan untuk membendung jangkitan varian baharu ini de-

ngan memastikan individu yang kembali dari negara yang dikesan ada penularan varian Lambda dikuarantin 14 hari dan perlu pemakaian gelang pengawasan elektronik.

"Kita turut menjalankan penilaian risiko sebelum membenarkan individu yang pulang dari luar negara untuk bercampur dengan komuniti," katanya.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, dua negeri dan tiga wilayah menunjukkan penurunan kes kategori tiga hingga lima yang memerlukan rawatan ke hospital serta penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) hasil liputan lengkap vaksin dua dos vaksin kepada populasi dewasa berusia 18 tahun ke atas.

Katanya, dua negeri tersebut ialah Sarawak yang kini mencapai 55.7 peratus vaksinasi populasi dewasa, manakala Negeri Sembilan sebanyak 40.1 peratus.

"Selain itu Wilayah Persekutuan Labuan (63.4 peratus), Kuala Lumpur (78.3 peratus) dan Putrajaya (69.3 peratus).

"Negeri-negeri lain belum menunjukkan trend penurunan kes kategori tiga hingga lima mahupun di ICU kerana peratus liputan dos lengkap masih kurang daripada 50 peratus," jelasnya.

## Kes harian lebih 21,000, jumlah kematian hampir 12,000

**PUTRAJAYA** - Negara kekal merekodkan kes harian melepasi 21,000 untuk dua hari berturut-turut dengan 21,468 kes termasuk 25 kes import semalam, menjadikan jumlah kes positif Covid-19 mencecah 1,363,683 kes.

Kelmarin, kes harian negara melepasi angka tersebut buat pertama kali iaitu sebanyak 21,668 kes, tertinggi direkodkan selain tiga kali melepasi angka 20,000 iaitu 20,780 kes pada 11 Ogos, 20,889 kes (6 Ogos) dan 20,596 kes pada 5 Ogos.

Pesakit sedang dirawat terus melonjak dengan 241,187 kes, manakala sebanyak 17,025 kes sembuh dicatatkan.

Terdapat 277 kes kematian Covid-19 termasuk 55 warga asing, manakala sebanyak 96 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) menjadikan sebanyak 11,968 kes kematian Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 670 kes



**PETUGAS** kesihatan sedang memberikan suntikan vaksin kepada seorang penerima di Pusat Pemberian Vaksin Dewan Serbaguna Taman Melati Impian, Wangsa Maju semalam. - BALQIS MISHA

daripada jumlah kes harian semalam adalah kategori tiga, empat dan lima, manakala sebanyak 20,798 kes (96.9 peratus) kategori satu dan dua.

"Secara keseluruhan, 2,703 kes (12.6 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan telah leng-

kap divaksinasi iaitu lengkap dua minggu tempoh selepas dos kedua vaksin. Sebanyak 874 peratus belum lengkap diberikan vaksinasi," katanya semalam.

Dalam masa sama, beliau berkata, sebanyak 271 kes kategori lima dilaporkan dengan

### COVID-19

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
Kes baharu	21,468
Import	25
Tempatan	21,443
Pulih	17,025
Kematian	277
Masih dirawat	241,187
Jumlah kes sembuh	1,10528
Jumlah Kematian	11,968
Jumlah kes keseluruhan	1,363,683

248 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi, manakala sebanyak 195 kes kategori empat dengan 171 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

"Sebanyak 204 kes kategori tiga dengan 183 kes atau 89.7 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, 10,842 kes kategori dua dengan 9,346 kes atau 86.2 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, manakala 9,956 kes kategori satu dengan 8,817 kes atau 88.6 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi," ujarnya.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 41 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 22 kluster tempat kerja, sembilan kluster komuniti, lapan kluster kumpulan berisiko tinggi serta masing-masing satu kluster institusi pendidikan swasta berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) dan institusi pendidikan KPM.

Tambahnya, kadar kebolehhajatan kelmarin menunjukkan, nilai RT sebanyak 1.05 dengan negeri mencatatkan nilai RT tertinggi Perlis (1.33) diikuti Sabah dan Kelantan (masing-masing 1.20) serta Sarawak dan Pulau Pinang (1.17).



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NEGARA

PICK perluas program imunisasi bagi individu berumur 12 hingga 17 tahun

## Vaksinasi remaja mulai 15 September

**PUTRAJAYA** – Golongan remaja berumur 12 hingga 17 tahun dibenarkan untuk mengambil suntikan vaksinasi menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) mulai 15 September depan.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, penetapan itu selaras pekelling Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berhubung perkara berkenaan pada 12 Ogos 2021.

"Program imunisasi akan diperluas dalam kalangan remaja 12 hingga 15 tahun yang mempunyai masalah kesihatan tertentu dan individu berumur 16 hingga 17 tahun dengan atau tanpa masalah kesihatan tertentu," katanya menerusi ciapan di Twitter semalam.

Tambah Khairy, perincian pemberian dan kaedah pelaksanaan vaksinasi Covid-19 kepada kumpulan itu akan diumumkan minggu depan oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

Sementara itu, Dr. Noor Hisham menerusi surat pekelling itu berkata, implementasi pemberian imunisasi terhadap kumpulan remaja tersebut bergantung kepada bekalan vaksin yang akan dibuat di tiga lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) terpilih.



**KHAIRY JAMALUDDIN**

"Lokasi berkenaan ialah PPV khas di hospital-hospital dan institusi perubatan, PPV di klinik kesihatan atau PPV yang telah dikenal pasti selain melalui program jangkauan imunisasi di sekolah," katanya.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Hisham berkata, bakal penerima vaksin perlu menjalani penilaian pravaksinasi bagi menilai kesesuaian remaja tersebut untuk menerima vaksin, jenis vaksin dan masa serta lokasi sama ada hospital atau PPV komuniti.

"Penilaian itu akan melibatkan tiga kategori iaitu individu mempunyai sejarah alahan teruk kepada pelbagai ubatan serta in-



**PERINCIAN** berhubung vaksinasi individu berumur 12 hingga 17 tahun akan diumumkan JKJAV minggu depan.

– GAMBAR HIASAN

dividu yang mengalami kelemahan sistem imun sama ada disebabkan penyakit atau rawatan diterima.

"Selain itu individu yang me-

nerima rawatan ubat pencair darah atau mempunyai masalah kesihatan yang mengakibatkan kecenderungan pendarahan," katanya.

Tambahnya, penilaian itu perlu dilakukan pakar atau pegawai perubatan di fasiliti kesihatan yang memberi rawatan kepada remaja terabit.

## Peranti khas pantau pengembara

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan bakal melancarkan projek perintis gelang pengawasan elektronik melibatkan 1,000 individu sebelum diperluaskan kepada 30,000 individu lagi.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Chong Chee Kheong berkata, peranti khas itu akan memantau kawalan kuarantin sendiri pesakit di kediaman dengan menggunakan teknologi identifikasi berasaskan frekuensi radio (RFID) dan dipasang kad modul pengenalan pelanggan (SIM) boleh dijejak sistem posisi sejagat (GPS).

"Ini menggantikan gelang jenis plastik biasa berwarna merah jambu, namun buat permulaan ia cuma meliputi pengembara luar yang tiba di Malaysia dan kontak rapat bergejala," katanya semalam.

Chee Kheong berkata, kementerian akan bekerjasama dengan polis jika berlaku pelanggaran kuarantin oleh individu.

"Pembekalan peranti ini akan dibuat secara penyumberluaran



**PENGEMBARA** luar yang akan menjalani kuarantin di rumah akan dipakaikan gelang pengawasan elektronik. – GAMBAR HIASAN

dengan syarikat berkelayakan, manakala maklumat kesihatan individu boleh direkodkan setiap hari secara digital," katanya.

Projek berkenaan juga akan meliputi pesakit Covid-19 tanpa bergejala iaitu kategori 1 dan gejala ringan dalam kategori 2 yang menjalani kuarantin sendiri.

Sementara itu, beliau turut melahirkan kebimbangan trend peningkatan kes baharu di Lembah Klang yang setiap hari me-

merlukan tambahan sehingga 300 katil di hospital Covid-19.

Sejak Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley dibentuk bulan lalu, pihaknya menambah daripada 6,000 katil kepada 8,000 katil setakat ini.

"Bagaimanapun ada sedikit penurunan kes berbanding minggu lepas tetapi jika berterusan, kapasiti katil sedia ada cuma mampu bertahan selama dua minggu," jelasnya.

## Kesihatan mental jadi keutamaan kerajaan

**PUTRAJAYA** – Pengurusan isu kesihatan mental di seluruh negara turut menjadi keutamaan kerajaan dalam usaha melandaikan keluk wabak Covid-19 pada ketika ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, permasalahan itu dianggap penting bukan sahaja dalam kalangan petugas barisan hadapan, malahan rakyat negara ini keseluruhannya.

"Dalam kita gigih melawan wabak ini, satu bidang yang sama mustahak kepada kami ialah isu kesihatan mental kerana psikologi manusia juga ada kesan daripada pandemik itu," katanya ketika menyampaikan ucapan pembukaan Persidangan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021 semalam.

Menurut Adham, strategi bersesuaian untuk mengurus masalah sakit jiwa adalah penting bagi memecahkan kitaran ganas wabak berbahaya itu

daripada berleluasa.

"Kita perlu guna pendekatan kognitif tingkah laku, kesedaran dalam usaha melandaikan keluk wabak Covid-19 pada ketika ini."

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, permasalahan itu dianggap penting bukan sahaja dalam kalangan petugas barisan hadapan, malahan rakyat negara ini keseluruhannya.

"Sehubungan itu, penggunaan media sosial wajar segera bertindak menapis informasi salah. Sebagai contoh, pentadbir Facebook telah menetapkan polisi menyah maklumat tidak sah mengenai vaksin Covid-19," katanya.

Ujar Adham, bidang kesihatan awam juga harus konsisten menyebarkan hebahan tepat dan menambah dana bagi menyaring segera informasi mengiurkan sebelum situasi menjadi lebih teruk.



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 10  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kemasukan pesakit ke wad, ICU menurun

Hasil daripada vaksinasi di Lembah Klang yang telah mencapai 60 peratus

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA



Dr Noor Hisham (tengah) bersama Dr Adham (kanan) pada sidang akhbar Covid-19 di ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Jumaat.

**K**emasukan ke hospital dan penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) di Lembah Klang menunjukkan penurunan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia hasil daripada vaksinasi yang telah mencapai 60 peratus.

"Dalam tempoh seminggu atau dua minggu lagi, penurunan akan dilihat dengan lebih nyata," katanya pada sidang akhbar Covid-19 di ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Jumaat.

Turut hadir pada sidang akhbar itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mohd Shafiq Abdullah; Komander Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STF), Datuk Dr Chong Chee Kheong dan Pengarah Kesihatan

**MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman.

Menurutnya, turut menunjukkan penurunan adalah Labuan, Sarawak, Negeri Sembilan selain Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Di Labuan sebanyak 63.4 peratus telah lengkap vaksinasi, Sarawak (63.4 peratus), Negeri Sembilan (40.1 peratus), Kuala Lumpur (78.3 peratus) dan Putrajaya (69.3 peratus," katanya.

Beliau berkata, negeri lain seperti Kedah, Johor, Kelantan dan Sabah belum menunjukkan trend penurunan kerana peratusan vaksinasi masih di bawah 50 peratus.

"Jadi kita perlu tingkatkan vaksinasi dan mengambil contoh di Labuan apabila vaksinasi ditingkatkan hari ini kes Covid-19 hanya satu angka sahaja," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham

berkata, kawalan ketat sempadan negara perlu dilakukan termasuk dengan melaksanakan penilaian risiko terhadap individu yang pulang dari luar negara bagi membendung kemasukan varian Lambda.

"Setakat ini, varian itu belum dikesan dan KKM akan mempertingkatkan lagi keupayaan dengan menjalankan jujukan genomik penuh bagi mengesan sebarang varian yang membimbangkan (VOC).

"Mutasi berlaku kerana ada jangkitan. Apabila ada jangkitan, virus ini akan masuk ke paru-paru kita dan membiak dalam paru-paru dan kalau banyak pembiakan berlaku, berkemungkinan mutasi akan berlaku.

"Mutasi yang dikenal pasti sekarang ini yang dimaklumkan adalah Lambda, Epsilon dan sebagainya. Kebimbangan kita ialah mutasi ini menjadi rintangan kepada vaksin yang kita guna pakai," katanya.

## Kes positif kekal 21,000

SHAH ALAM - Bilangan kes baharu Covid-19 masih lagi melepasi 21,000 kes walaupun berlaku sedikit penurunan, dengan jumlah terkini sebanyak 21,468 kes.

Selain itu, jumlah kluster baharu yang direkodkan berjumlah 41 kluster, menjadikan jumlah kluster aktif di negara ini sebanyak 1,293 kluster.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor mendahului kes tertinggi dengan jumlah terkini kes baharu sebanyak 7,449 kes, diikuti Kuala Lumpur 2,183 kes dan Kedah, 1,807 kes.

"Sebanyak 1,654 kes dikesan di Sabah, Johor (1,485), Pulau Pinang (1,316) dan Kelantan (1,088).

"Sembilan negeri yang mencatatkan kes baharu di bawah 1,000 kes iaitu Negeri Sembilan dengan 974 kes, diikuti Perak (940), Melaka (723), Sarawak (715), Pahang (572), Terengganu (440), Putrajaya (66), Perlis (50) dan Labuan (6).

"Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif adalah 1,363,683," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, daripada 21,468 kes harian yang dilaporkan pada Jumaat, sebanyak 670 kes atau 3.1 peratus adalah daripada kategori 3, 4 dan 5 manakala 20,798 kes atau 96.9 peratus lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Tambahnya, daripada jumlah kes yang dilaporkan, sebanyak 2,703 kes atau 12.6 peratus telah lengkap di vaksinasi, iaitu yang telah lengkap dua minggu tempoh selepas dos kedua vaksin.

Selain itu, 41 kluster baharu direkodkan, dengan 1,293 kluster aktif manakala sejumlah 2,827 kluster telah ditamatkan.

"Bagi Kadar Kebolehjangkitan Covid-19 Atau R0/RT, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.05. Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Perlis (nilai RT 1.33) diikuti Sabah dan Kelantan, masing-masing nilai RT 1.20.

"Nilai RT bagi Sarawak dan Pulau Pinang adalah 1.17 manakala semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0, kecuali Labuan dan Putrajaya," ujarnya.

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

#### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



**Kategori 1**  
Tanpa gejala

**Kategori 2**  
Gejala ringan


**Kategori 3**  
Jangkitan paru-paru

**Kategori 4**  
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen

**Kategori 5**  
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

